



NOTIS MAKLUMAN JAWATAN KOSONG PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK

RUJ : STIDC.7.HR(PER).06.1
TARIKH : **24 Mac 2025**

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (anak kelahiran Negeri Sarawak) yang berkelayakan untuk mengisi jawatan kosong seperti berikut di **Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA)**.

- 1. Juruaudit, Gred W9 (JBC) – 1 kekosongan**
- 2. Pembantu Khidmat Am, Gred H1 (Tetap Berpencen) – 2 kekosongan, (JBC) – 2 kekosongan**

Semua permohonan hendaklah dikemukakan secara atas talian (*online*) melalui sistem e-recruitment, (<https://erecruitment.sarawak.gov.my>).

Calon – calon **WAJIB** memuatnaik salinan dokumen – dokumen seperti berikut di bahagian ‘Muat Naik Dokumen’ dalam sistem e-recruitment: -

1. Kad Pengenalan (depan & belakang);
2. Sijil UPSR, PMR dan SPM;
3. Sijil Diploma & Transkrip Akademik / STPM / Matrikulasi (mana berkaitan); dan
4. Sijil Ijazah Sarjana Muda & Transkrip Akademik (jika berkaitan);

Sila pastikan semua dokumen yang dimuatnaik adalah jelas.

Hanya permohonan yang lengkap serta mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan disenarai pendek dan pemohon yang dipilih untuk sesi temuduga sahaja akan dihubungi. Sekiranya pemohon-pemohon **tidak dihubungi dalam tempoh tiga (3) bulan** dari tarikh iklan ini ditutup, permohonan ini dianggap **tidak berjaya**.

Tarikh tutup permohonan: **7 APRIL 2025**. Permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

- i. (a) **Jawatan** : **Juruaudit/Gred W9**
Kekosongan : **Satu (1) jawatan**
Taraf Jawatan : **Jawatan Berasaskan Caruman**
Kumpulan Perkhidmatan : **Pengurusan dan Profesional**
Klasifikasi Perkhidmatan : **Kewangan**
Jadual Gaji : **GAJI MINIMUM – GAJI MAKSIMUM**
 RM2,250.00 - RM11,110.00
- (b) **Syarat Lantikan** : Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -
- i. Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah pada Gred W9: RM2,470.00); atau
 - ii. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W9: RM3,020.00); atau
 - iii. Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W9: RM3,020.00); atau
 - iv. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W9: RM3,130.00); atau
 - v. Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W9: RM3,240.00).
 - vi. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(c) Skop Tugas:

Bertanggungjawab menjalankan pengauditan secara profesional, mengesahkan

penyata kewangan, mengeluarkan sijil audit dan laporan berkaitannya, menyediakan laporan audit yang berkualiti, timely dan seimbang, menguruskan aktiviti pengauditan dengan cekap dan berkesan serta memberi khidmat nasihat, memenuhi keperluan dan harapan stakeholders.

- (a) **Jawatan/Gred** : **Pembantu Khidmat Am/Gred H1**
Kekosongan : **Empat (4) jawatan**
Taraf Jawatan : **Tetap & Berpencen / Jawatan Berasaskan Caruman**
Kumpulan Perkhidmatan : **Pelaksana**
Klasifikasi Perkhidmatan : **Kemahiran**
Jadual Gaji: Gred W19 : **Gaji Minimum–Gaji Maksimum**
 : **RM1,500.00 – RM4,680.00**
- (b) **Syarat Lantikan** : **Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -**
- (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00); dan

- (v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 1(b)).

Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan/Pengendalian Kren/Pengendalian Dandang/Tugasan Menyelamat)

- (b) (i) Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugasan berkenaan; atau
- (ii) Bagi tugas pengendalian kren, calon perlu memiliki Sijil Pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; atau
- (iii) Bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia; atau
- (iv) Bagi tugas pengendalian dandang, calon perlu memiliki sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta berkebolehan mengendalikan loji pembakaran dalam 40-100 kuasa kuda atau loji stim/dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan; atau
- (v) Bagi tugasan menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas dan berkebolehan berenang; dan
- (vi) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia

atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(c) Skop Tugas:

Pembantu Khidmat Am bertanggungjawab melaksanakan skop tugas berkenaan pengurusan dokumen dan memberi sokongan operasi serta memastikan pengurusan pejabat agar berjalan dengan lancar. Pembantu Khidmat Am juga bertanggungjawab bagi urusan pemanduan dan penyelengaraan semua jenis kenderaan termasuk motobot mengikut keperluan agensi masing-masing.

Selain itu Pembantu Khidmat Am bertanggungjawab bagi urusan pengendalian loji / jentera statik mengikut perundangan / peraturan yang berkuat kuasa